

# PERBANDINGAN TENTANG PENGAJARAN & PEMBELAJARAN HADITH ZAMAN TABI'IN DAN ERA ICT

Muhammad Afiq Ikmal Bin Mohammad Sa'ad <sup>1</sup>  
Muhammad Syafiq Bin Fadzil <sup>2</sup>  
Afif Syakireen Bin Mohd Asri<sup>3</sup>  
Maisarah Saidin<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. (E-mail: [afiqq.ikmal@raudah.usim.edu.my](mailto:afiqq.ikmal@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. (E-mail: [syafickt6@raudah.usim.edu.my](mailto:syafickt6@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. (E-mail: [syakireenasri@raudah.usim.edu.my](mailto:syakireenasri@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. (E-mail: [maisarah@usim.edu.my](mailto:maisarah@usim.edu.my))

**Abstrak** :Ilmu-Ilmu Pengajian Hadis telah muncul sejak permulaan ajaran Islam dan berkembang sehingga hari ini: era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Didapati dari sejarah dan kronologinya, pemeliharaan ajaran suci agama Islam menjadi faktor utama penyebarannya. Pengajaran dan pengkajian tentang hadis mempunyai perbezaan yang tersendiri sejak zaman Nabi Muhammad sehingga era ICT dan kemodenan ini. Ini kerana ia bertepatan dengan peredaran zaman. Terdapat beberapa pernyataan masalah yang akan menjadi perbincangan utama dalam kajian ini. Antara masalah yang diketengahkan ialah proses pengajaran iaitu perbezaan antara umur Tabi'in dan zaman ICT. Terdapat beberapa kaedah pengajaran yang tidak lagi digunakan dan masih digunakan sehingga kini. Selain itu, pemeliharaan hadis di zaman Tabi'in dan era ICT ini juga perlu ditonjolkan perbedaannya. Seterusnya, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti proses pengajaran dan pembelajaran yang betul dalam kedua-dua era ini berdasarkan konsep ilmu Islam yang sebenar. Hadis mempunyai banyak fasa, daripada fasa ingatan yang mendalam kepada fasa rekod hadith yang dipaparkan, sekurang-kurangnya dalam sejarah proses tersebut. Yang pertama adalah masa dimana Hadis disimpan dalam ingatan, yang berlaku pada abad pertama Hijrah. Penggolongan hadis berlaku pada abad hijriyah kedua, dan masih bercampur dengan fatwa terbesar para sahabat dan tabi'in. Akhir sekali, dalam era ICT ini, terdapat banyak platform yang digunakan oleh orang Islam dan bukan Islam untuk mempelajari dan mengajar Hadith seperti laman web, youtube, blog dan lain-lain. Pendidikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan penting agar Malaysia mampu menjadi negara maju dan melaksanakan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Usaha menyerapkan ICT ke dalam sektor pendidikan akan dapat menghasilkan golongan guru dan pelajar yang bijak komputer dan seterusnya menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi di masa depan. Ia merupakan titik peralihan yang kritikal dalam pendidikan di negara ini apabila ICT disepadukan ke dalam kurikulum pendidikan, memandangkan keperluannya dalam persekitaran pekerjaan masa kini.

**Kata Kunci:** Hadith, Zaman Tabi'in, Pembelajaran Era ICT.

## Pengenalan

Sumber rujukan utama bagi umat Islam ialah Al-Qur'an dan hadits. Kedua sumber tersebut awalnya berupa lisan atau amalan sahaja, kemudian secara bertahap dalam alur perjalanan sejarah yang cukup kompleks akhirnya menjadi sebuah teks yang tertulis dan disucikan (Abd Aziz,2015). Ini adalah wujud konsekuensi dalam tradisi Islam yang membutuhkan waktu cukup lama dalam menciptakan pola pengkultusan dari tradisi lisan dan kultus personal (Nabi Muhammad) dalam bentuk tradisi tulis atau teks yang selanjutnya teks tersebut menjadi otoritas dalam ajaran-ajaran Islam selanjutnya. Dari segi periwayatan, kodifikasi hadits merupakan problem dan perhatian yang lebih banyak daripada Al-Qur'an, hal tersebut sangat terlihat dari kondisi periwayatannya yang awalnya hanya berupa tradisi lisan dengan sebaran yang sangat sedikit. Setelah Nabi Muhammad SAW wafat muncul berbagai problematika yang mendasar di tengah komunitas Islam awal yang ikut serta dalam penyelesaian kegelisahan umat.

Hadis merupakan sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, sifat dan perakuan (Muhammad Musyfiq,2020). Hadis berperan sebagai penjelasan kepada ayat AlQuran. Sememangnya menjadi kewajiban umat Islam untuk berpegang kepada AlQuran dan hadis kerana kedua-dua sumber ini merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Dalam masyarakat di Malaysia pengajian hadis bukanlah sesuatu yang asing. Khazanah ilmu yang tidak ternilai ini mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan untuk dipelajari. Pengajian hadis bermula dengan kaedah tradisional yang diadakan di pondok atau madrasah dan juga di masjid. Seterusnya berkembang sehingga menjadi pengajian berbentuk formal seperti di sekolah dan juga pusat pengajian tinggi. Pengajian hadis terus bergerak ke hadapan apabila adanya teknologi moden yang digunakan dalam proses pembelajaran. Hal ini selaras dengan perkembangan kaedah semasa dalam pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran dan peluang berlaku seiring perkembangan pembangunan teknologi di dalam bidang pendidikan. Perkembangan ini juga telah memberi kesan kepada pengajian Islam termasuklah pengajian hadis. Pembelajaran menggunakan teknologi telah melahirkan satu kaedah pengajian yang baru dipanggil pembelajaran mudah alih atau Mobile Learning. Mobile Learning merupakan satu kaedah pembelajaran untuk memudahkan lagi proses pembelajaran berbanding dengan kaedah tradisional yang mana pelajar boleh akses pembelajaran pada bilabila masa dan dimana jua sahaja. Rasulullah SAW tidak melarang untuk pelbagaikan kaedah pengajian. Ini sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ فَقَالَ لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ قَالَ فَخَرَجَ شَيْبًا فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ مَا لِنَخْلِكُمْ قَالُوا قُلْتَ كَذَا وَكَذَا قَالَ أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Dari Anas bahwa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pernah melewati suatu kaum yang sedang mengawinkan pohon kurma lalu beliau bersabda: "Sekiranya mereka tidak melakukannya, kurma itu akan (tetap) baik." Tapi setelah itu, ternyata kurma tersebut tumbuh dalam keadaan rusak. Hingga suatu saat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melewati mereka lagi dan melihat hal itu beliau bertanya: 'Ada apa dengan pohon kurma kalian? Mereka menjawab; Bukankah anda telah mengatakan hal ini dan hal itu? Beliau lalu bersabda: 'Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian.

Memandangkan pengajian hadis juga boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah, Maka kajian ini akan memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah pengajian hadis pada zaman Tabi'in dan era ICT disamping dikaitkan dengan pembelajaran yang terdapat di Malaysia.

## **Metodologi Kajian**

Penyelidikan atau kajian yang dijalankan adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis maklumat yang diperolehi secara sistematik dan terperinci untuk memecahkan persoalan yang terungkap. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data telah dibuat dengan menggunakan kaedah analisis teks dengan merujuk buku-buku ilmiah, jurnal, akhbar dan juga artikel. Data tersebut telah dipilih berdasarkan kaedah pembelajaran hadis sama ada kaedah tradisional dan kaedah moden untuk dijadikan bahan kajian.

## **Kajian Literatur**

### **Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0**

Zaman globalisasi telah membentuk pembelajaran ilmu hadis yang lebih sistematik dengan pengaplikasian menggunakan teknologi terkini seperti laman web, perisian ‘software’ dan aplikasi ‘apps’. Namun, timbul beberapa isu yang menjadi cabaran penggunaan hadis digital dengan beberapa faktor kelemahan yang melibatkan serangan jenayah siber, keterbatasan kemampuan manusia untuk memindahkan teks hadis ke dalam visual digital, penyebaran hadis palsu, penyelewengan kefahaman hadis dan sebagainya. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan isu dan cabaran pemeliharaan hadis dalam rangka penyampaian dan penyebarannya dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

### **Aplikasi Ict Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Semasa Latihan Mengajar**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengaplikasian ICT dalam kalangan guru pelatih SPI dari Fakulti Pendidikan, UTM. Satu set soal selidik yang mengandungi 49 item telah diedarkan kepada responden. Seramai 82 orang responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini yang terdiri daripada pelajar tahun 3 dan 4 SPI. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Versi 12.0 untuk mengira kekerapan, peratusan dan min (Norazmi Anas, 2021).

### **Pengajian Hadis Tradisional Dan Moden: Tinjauan Awal Literatur**

Perkembangan pengajian hadis terus pesat dengan pelbagai kaedah pembelajaran yang digunakan. Bermula dari kaedah tradisional sehinggalah kepada kaedah moden menjadikan pengajian hadis sentiasa berjalan dengan baik. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kaedah yang digunakan dalam pengajian hadis melalui kaedah tradisional sehinggalah kepada kaedah yang menggunakan teknologi iaitu “Mobile Learning”. Kajian mendapati terdapat perbezaan diantara kaedah tradisional dan moden namun kedua-duanya saling berhubung diantara satu sama lain sesuai dengan peredaran zaman.

### **Metode Pengajian Hadis Klasik dan Kerangka Sistem Pendidikan Moden**

Istilah Pengajian hadis sudah berdiri dengan sistem sendiri sebelum wujudnya sistem pengajian moden. Pelbagai kaedah dan pendekatan pengajian sudah dikembangkan oleh generasi lalu termasuk lapan metode tahammul al-ḥadīth. Bagi tujuan adaptasi pengajian hadis secara lebih bersinergi dengan sistem moden, kajian ini meninjau metode-metode pengajian hadis klasik, teori-teori pedagogi sarjana Islam dan praktiknya di maahad-maahad tahfiz dalam negeri Selangor. Metode kualitatif digunakan dengan menganalisis metode pendidikan klasik dan pendekatan moden serta temubual di sembilan buah maahad tahfiz terpilih dalam negeri Selangor. Kajian ini juga mendapati pengajian hadis dapat diketengahkan dalam institusi formal dan non-formal dalam usaha menjadikan pengajian ini lebih bermanfaat dan komprehensif pada masa akan datang.

## Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith

Pembangunan laman sesawang dan perisian hadith telah menjadi satu usaha penting dalam perkembangan pengajian hadith dan proses pembelajarannya. Medium internet menjadi tempat rujukan yang cepat dan pantas, serta menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadith. Namun demikian, masih timbul persoalan dan polemik yang mendakwa bahawa masih terdapat penyebaran maklumat palsu daripada hadith palsu, kesilapan terhadap teks hadith dan terjemahan dan sebagainya. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan keperluan dalam penetapan kriteria utama pembangunan laman sesawang dan software hadith.

### Perbincangan Kajian

#### *Apa Yang Dimaksudkan Dengan Era Tabi'in?*

Tabi'in artinya pengikut, adalah orang Islam awal yang masa hidupnya setelah Para sahabat Nabi dan tidak mengalami masa hidup di masa Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam dalam keadaan beriman dan mati sebagai seorang muslim. Mereka mempunyai kedudukan yang utama kerana merekalah generasi kedua yang mewarisi ilmu hadith dan mendapat didikan daripada generasi yang telah dididik oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana, generasi Tabi'in mengambil dan menerima pelajaran dari sahabat mengenai tafsir Al-Qur'an, hadis, fatwa-fatwa mereka dan lebih khususnya pengetahuan penetapan hukum serta metode- metode penetapanpenetapan hukum. Keberadaan Tabi'in ini diisyaratkan dalam Al-Qur'an surat (At-Taubah 100).

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ الْأَوْلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

**Artinya:** “Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) dari golongan muhajirin dan anshar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah ridha kepada mereka dan merekapun ridha kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka surga-surga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya selama-lamanya. Mereka kekal di dalamnya. Itulah kemenangan yang besar.”

#### *Pembelajaran Dan Pengajian Hadis Ketika Zaman Tabi'in*

Para tabi'in yang merupakan anak murid kepada para sahabat nabi banyak mengumpulkan hadis-hadis nabi, dan ia disusun menjadi sebuah buku atau mashaf yang tersusun. Kaedah yang digunakan oleh mereka ketika itu dalam mengumpul hadith adalah melalui kaedah pertemuan (Al-Talaqqi) iaitu bersemuka dengan sahabat. Selepas itu, mereka akan mencatat setiap apa yang dipelajari mereka daripada halaqah tersebut. Sebagai contoh, Said Bin Al-Jabir telah bertalaqqi dengan Ibnu Abbas, Abdurrahman Bin Harmalah dan banyak lagi. Usaha pembelajaran ilmu hadith ini juga telah dilakukan oleh Khulafa Arrasyidun iaitu Umar Bin Abdul Aziz yang gemar membaca hadith seperti apa yang telah diriwayatkan oleh Abu Qilabah ia berkata : “kita berangkat bersama Umar bin Abdul Aziz untuk menunaikan solat dan beliau membawa kertas demikian pula pada waktu asar ditangannya juga terdapat kertas, lalu aku bertanya, tulisan apa itu ? Beliau menjawab, hadits dari Aun bin Abdullah, saya terpesona olehnya maka aku menulis”

#### *Apa Itu Era ICT?*

ICT merupakan ringkasan daripada Information and Communication Technology atau dikenali sebagai teknologi maklumat dan komunikasi. Ia merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ruang lingkup tajuknya sangat luas. Ianya berhubung dengan segala aspek

dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Secara tepat dan mudahnya adalah penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu (Haliza, Nenly & Aidah, 2012).

Sebenarnya teknologi maklumat tidak terhad kepada internet dan komputer sahaja tetapi ia melibatkan televisyen, telefon, telefon mudah alih, fax, telegram dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima. Terdapat tiga asas penting dalam penggunaan teknologi maklumat.

Pertamanya, teknologi maklumat adalah untuk mengumpul maklumat. Ia digunakan untuk suntingan dengan menggunakan teknologi. Contoh dengan menggunakan komputer ia boleh merekod bunyi, imej dan sebagai pengesan gerakan.

Keduanya, adalah untuk memanipulasikan maklumat dan proses semula imej

Ketiganya ialah ia digunakan untuk berkomunikasi iaitu ia menjelaskan bagaimana teknologi maklumat digunakan untuk berkomunikasi bagi mendapatkan maklumat daripada sumber kepada penerima (Haliza, Nenly & Aidah, 2012).

Universiti Teknologi Malaysia mengeluarkan satu terbitan, teknologi maklumat digambarkan sebagai istilah yang timbul hasil penggunaan komputer, penyiaran, telekomunikasi dan rangkaian data. Perkakasan komputer, perisian komputer dan komunikasi data merupakan tiga teknologi asas yang menyokongnya. Teknologi maklumat terhasil daripada gabungan teknologi elektronik mikro, telekomunikasi dan komputer yang berkaitan dengan penerimaan dan penyampaian maklumat seperti perkataan, gambar, bunyi dan nombor kepada pengguna secara elektronik. Dengan itu dapat di simpulkan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi dapat memproses apa jua data, menyimpan serta menyampaikan data bersama bunyi, serta imej yang amat berguna untuk mendalami semua bidang kerja yang wujud kini.

### ***Pembelajaran Dan Pengajian Hadis Pada Era ICT.***

Pengaplikasian teknologi moden dimanfaatkan bagi tujuan pengajian hadis. Pembelajaran ini tidak terhalang dengan pembangunan teknologi dan ia secara umumnya seiring dengan arus kemodenan. Antara kaedah yang digunakan ialah pembelajaran melalui E Learning. Ia adalah satu kaedah yang menggunakan bahan elektronik serta kemudahan internet bagi menjamin tahap kefahaman pelajar berada di tahap yang terbaik. Pembangunan E-Learning tidaklah bertujuan hanya untuk menggantikan pembelajaran berasaskan kelas tetapi untuk menyelaraskan strategi pembelajaran secara keseluruhan. Gaya pembelajaran menggunakan kaedah E-Learning memberi pilihan kepada pelajar untuk belajar dengan cara yang berbeza. Kaedah E-Learning juga dapat membantu guru untuk mengoptimumkan proses pembelajaran kepada pelajar. Selain itu terdapat juga kaedah yang lain iaitu M Learning yang sering dilakukan ketika ini. Ia adalah satu kaedah pembelajaran yang menggunakan telefon pintar atau kemudahan gadget lain bagi membolehkan seseorang untuk belajar pada waktu dan tempat yang fleksibel. Pelajar dapat mengakses bahan bacaan dengan sangat mudah. Hal yang demikian mampu memberi motivasi dan semangat untuk belajar.

## ***Kaedah pengajian hadis***

### **Talaqi**

Talaqi adalah teknik pembelajaran yang diamalkan dengan bantuan ulama Salafussoleh. Pendekatan ini disesuaikan daripada kisah Nabi SAW dan Malaikat Jibril AS Wahyu akan wahyu pertama (Ashraf Ismail,2019). Talaqi diambil daripada bahasa Arab yang bermaksud perhimpunan atau perhimpunan. Dalam konteks pengajian hadis, talaqi bermaksud pemerhatian hadis dengan bantuan guru kepada pelajarnya. Teknik Talaqi ialah satu cara untuk mengadakan interaksi secara langsung antara pengajar dan murid. Pendekatan Talaqi memerlukan pembelajaran secara langsung daripada seseorang yang mempunyai kemahiran dalam hadis dan tafsiran alQuran. Pendekatan ini, yang dikenali sebagai "*musyafahah*," meletakkan guru dan murid secara bersemuka. Murid melihat dan mendengar semasa guru membaca dan menghafal ayat-ayat alQuran dan hadis. Nabi SAW juga menyampaikan sesuatu ilmu terutamanya berkaitan hadis kepada para sahabat dengan cara ini. (Diana Novitasari, 2020)

### **Kaedah Soal Jawab**

Kaedah seterusnya ialah kaedah soal jawab. Kaedah dua hala ini terjadi antara guru dan murid bagi memberi ruang kepada pelajar yang tidak faham akan sesuatu ilmu yang disampaikan. Dalam pada masa yang sama, kaedah ini memberi peluang kepada pelajar terlibat dalam proses perbincangan. Kaedah ini dapat merangsang kemahiran berfikir murid. Namun, guru mestilah mengambil kira tahap berfikir setiap murid bagi memastikan murid dapat memahami dengan baik jika berlaku ketidakfahaman atau kekeliruan. Oleh itu, guru digalakkan untuk mengaplikasikan kaedah ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan interaksi dua hala antara yang melibatkan murid dan guru selain memberi kesan yang positif dan memberikan kefahaman yang lebih terang dan jelas kepada murid.

### **Kaedah Perbincangan**

Kaedah perbincangan atau dalam Bahasa Arab disebut sebagai syura sangat penting didalam setiap perbincangan diskusi ilmiah. Menurut Ibnu Taimiyyah didalam kitabnya siyasah syar'iyah, sekurang-kurangnya ada tiga aspek yang perlu diteliti untuk melaksanakan setiap perbincangan. Pertama ialah asas rujukan iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai dasar bagi penentuan hukum. Kedua ialah ruang lingkup perbincangan dan ketiga ialah kriteria orang-orang yang mampu untuk membuat keputusan. Imam al-Ghazali pernah menggunakan kaedah perbincangan dan dialog bagi memberikan kefahaman yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Selain itu, kaedah ini dapat menguatkan pendapat dan mengasah pemikiran di samping memberikan keyakinan kepada diri dan kemampuan berbicara dengan bantuan guru.

### **Kaedah Hafalan**

Antara tradisi ilmu yang masih dikekalkan dalam pengajian hadis adalah dengan menggunakan kaedah hafalan hadis. Kaedah ini telah digunakan oleh para sahabat dan ulama salafusoleh sebagai langkah untuk menjaga serta memelihara hadis-hadis Rasulullah SAW. Hafalan hadis sangat penting kepada pelajar untuk beramal dengan hadis yang dipelajari dan dalam pada masa yang sama ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat akan pengisian daripada hadis yang dipelajari.

### **Kaedah Demonstrasi**

Salah satu kaedah yang digunakan dalam pengajian hadis ialah kaedah demonstrasi. Kaedah demonstrasi adalah satu kaedah yang digunakan oleh Rasulullah bersama sahabat. Antara contoh

Rasulullah menggunakan kaedah ini ialah Rasulullah menggunakan lakaran atau lukisan diatas tanah, menggunakan isyarat jari, tangan dan tongkat dan membuat perbandingan objek disekeliling baginda. Kaedah demonstrasi merupakan antara kaedah yang paling berkesan dalam proses pembelajaran kerana ia lebih bersifat kepada teori.

### ***Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Ict) Menurut Perspektif Islam***

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa teknologi telah lama wujud dalam kehidupan manusia. Pada tahun 729M, industri kertas telah dimulakan oleh Negara Baghdad. Berbanding dengan orang Kristian buat pertama kalinya menggunakan percetakan kertas pada tahun 1276M. Kerajaan Islam telah menggunakan kertas dalam urusan rasmi kerajaan sejak 1040M. Pernyataan ini membuktikan bahawa umat Islam telah menunjukkan model terbaik dalam usaha penyebaran maklumat lebih awal dari penganut-penganut lain.

Begitu juga dalam perkembangan sejarah tamadun Islam, penggunaan teknologi bukanlah sesuatu yang asing malah ia merupakan satu proses yang berterusan berkembang seiring dengan kemajuan dan ketamadunan manusia untuk memudahkan urusan kehidupan (Zaradi & Rozita 2003). Ekoran daripada penggunaan komputer perlu dilihat sebagai agenda utama dalam pembangunan ummah Islam. Islam juga merupakan agama yang menitik beratkan ilmu pengetahuan. Ilmu berhubung dengan teknologi komputer merupakan satu daripada bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh umat Islam. Bahan bantu mengajar telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w cuma alat tersebut tidak secanggih sepertimana yang ada di zaman ini. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir dan Ibnu Abbas yang bermaksud: “Penghulu Wanita Ahli Syurga empat orang; Maryam binti Imran, Fatimah binti Rasulullah S.A.W, Khadijah binti Khuwailid dan Asiah.” [Hadis Riwayat Ahmad]

Berdasarkan hadis tersebut, penghulu merupakan simbolik kepada kemuliaan. Empat tokoh ini membawa simbolik tersendiri. Mereka berbeza generasi, situasi dan psikologi. Mereka mungkin tidak sekuat, sepintar dan selincah lelaki. Tetapi kelebihan yang mereka ada tidak dapat digalas ganti oleh mana-mana lelaki. Justeru itu, penggunaan ICT yang berlandaskan kepada syariah dan hukum adalah dibenarkan oleh Islam kerana sememangnya penggunaan teknologi memberi implikasi baru yang lebih efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam semua bidang.

### ***Contoh Teknologi Moden Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis***

Terdapat banyak contoh-contoh teknologi moden yang boleh didapati pada zaman sekarang dan ianya sangat berguna dalam pendidikan terutama sekali bidang hadis. Contoh teknologi moden yang membantu dalam pendidikan sunnah adalah sebagaimana berikut.

Teknologi Komunikasi.

Untuk berhubung antara satu sama lain, komunikasi merupakan cara yang terbaik. Melalui hubungan dua hala, maklumat lebuah mudah untuk disebarkan (Amir Haris,2016). Sebagai contoh penggunaan telefon pintar untuk berkomunikasi serta berinteraksi. Telefon pintar juga merupakan alat yang sangat mudah untuk dibawa kemana-mana sahaja dan boleh disimpan didalam poket. Dengan kecanggihan yang telah dicipta pada masa sekarang, telefon juga kini boleh dilengkapi dengan kamera, video, internet, Bluetooth, dan pelbagai aplikasi. Terdapat aplikasi yang membantu dalam pencarian hadis i apliksial-Mausu“ah al-Hadithiyah. Perisian ini memudahkan pengguna untuk mencari hadis berserta statusnya melalui telefon pintar.

Di zaman era globalisasi ini, penggunaan internet dan komputer adalah di antara penggunaan yang sangat banyak di kalangan masyarakat malah hampir setiap rumah di Malaysia kini mempunyai sebuah komputer bagi memudahkan mereka berinteraksi dan memperoleh maklumat dengan cepat. Pada masa kini ilmu pengetahuan boleh diperoleh hanya dengan menggunakan komputer dan internet bersesuaian dengan slogan dunia di hujung jari anda. Antara contoh perisian komputer ialah seperti perisian al-Maktabah al-Syamilah, perisian Jawami al-Kalim, yang menyediakan akses hadis yang lengkap untuk dirujuk oleh pengkaji dalam bahasa Arab. Begitu juga terdapat laman web yang khusus seperti laman web al-Durar al-Saniyyah yang boleh diakses secara mudah. Perisian dan laman web ini memungkinkan pelajar serta pengkaji untuk membuat rujukan dan kajian berkaitan dengan hadis Rasulullah S.A.W dengan mudah.

### Teknologi Penyiaran

Penyiaran adalah media menyebarkan maklumat secara langsung dengan menggunakan televisyen atau radio. Masyarakat boleh menonton pelbagai rancangan berbentuk ilmiah melalui televisyen yang membolehkan masyarakat menambah ilmu dan maklumat. Antara rancangan ilmiah berkualiti yang boleh ditonton di televisyen seperti al-Kuliyah, al-Hidayah, Halaqah, Forum Perdana dan banyak lagi. Malah sebahagiannya boleh diakses secara internet yang memungkinkan penonton memnontonnya di mana sahaja di dunia ini.

Dalam pada itu, radio juga memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ilmu melalui penyiaran. Maklumat dan ilmu yang disampaikan tidak hanya berbentuk sesuatu yang boleh dilihat malahan boleh diperoleh melalui deria pendengaran. Antara siaran radio berbentuk ilmiah adalah seperti IKIM.fm. Pelbagai ilmu yang boleh diperoleh melalui siaran ini seperti belajar bahasa Arab, belajar hadis Rasulullah S.A.W, bacaan tafsir al-Quran dan yang lain-lain lagi yang berkaitan dengannya. Selain dari itu terdapat juga rancangan bersama tokoh agama menyampaikan ceramahnya dalam slot radio selain IKIM.fm turut memberi sumbangan yang bermakna dalam dakwah ini.

### **Kebaikan Dan Keburukan Penggunaan Teknologi Moden Dalam Pendidikan Sunnah.**

#### Kebaikan Penggunaan Teknologi

Globalisasi teknologi maklumat pada masa kini ada sisi positif dan negatif atau elemen baik dan elemen buruk. Di antara kebaikan yang boleh disenaraikan ialah jimat masa, jimat wang, interaktif, dan tanpa sempadan. Masa boleh dijimatkan serta dioptimumkan penggunaannya agar mendapat hasil yang terbaik. Begitu juga dengan kos yang minimum, pendidikan hadis boleh disampaikan kepada masyarakat hasil penciptaan pelbagai alat teknologi.

Seterusnya elemen interaktif boleh menarik golongan kanak-kanak dan remaja agar mempelajari hadis. Penyebaran ilmu juga merentasi semua sempadan geografi yang memungkinkan akses di mana sahaja pada bila masa sahaja. Justeru, teknologi terkini jika digandingkan dengan sunnah, akan mempertingkatkan penyebarannya dalam masyarakat.

#### Keburukan Penggunaan Teknologi

Dari aspek negatifnya, peningkatan penggunaan teknologi moden dari masa ke semasa boleh membawa pelbagai kesan yang tidak baik kepada individu (Naquiah Nahar,2018). Antara kesan buruk penggunaan teknologi ialah penyalahgunaan teknologi, kesahihan maklumat, dan kebergantungan kepada maklumat tanpa merujuk sumber asal. Terdapat pengguna yang

menyalahgunakan kemudahan teknologi untuk menyebarkan fahaman yang salah. Ini bererti kesalahan ini memang disengajakan, yang bertujuan merosakkan umat Islam.

Seterusnya berkait dengan hadis, didapati ada yang bersikap tidak berhati-hati dalam menyebarkan maklumat. Ini boleh menjadi faktor utama penyebaran hadis palsu dalam masyarakat walaupun didasari niat yang suci. Ertinya, niat itu walaupun baik untuk menyebarkan hadis, namun caranya dengan tidak merujuk kesahihan hadis kepada pakar, tetap tidak dibenarkan. Kemudian, faktor kebergantungan kepada aksesan digital juga boleh menyebabkan aktiviti merujuk kepada sumber asal akan terbatas. Minat membaca buku juga akan semakin berkurangan.

Setiap hadis yang disebarkan dalam internet serta rangkaian sosial juga didapati bercampurbaaur antara hadis yang sahih dan tidak sahih. Percampuran ini menyebabkan kekeliruan berlaku dalam penggunaan dan pengamalan hadis yang tidak diketahui sumber sebenarnya. Malah fenomena sikap masyarakat yang kini lebih bergantung sepenuhnya kepada teknologi serta tidak mempunyai usaha mengkaji setiap hadith yang ditemui telah memburukkan lagi situasi ini. Mereka terus-terusan berkongsi sesama rakan media sosial tanpa merujuk ketepatan maklumat yang disebarkan.

### **Hasil Kajian**

Terdapat beberapa hasil kajian yang kami perolehi melalui tajuk Perbandingan Tentang Pengajaran dan Pembelajaran Hadith Zaman Tabi'in dan Era ICT. Antaranya ialah pengajaran dan pembelajarah hadith zaman Tabi'in menggunakan kaedah Talaqi iaitu secara bersemuka antara murid dan guru, manakala pada era ICT lebih tertumpu kepada platform digital yang digunakan oleh seseorang untuk belajar hadith tanpa perlu berjumpa atau bersemuka dengan guru selain masa yang lebih anjal untuk belajar. Kesan penggunaan teknologi juga mempunyai kesan negatif kepada pengguna antaranya penyalahgunaan maklumat yang diterima, kurang kecaknaan untuk mengenalpasti kesahihan hadith yang disampaikan dan sebagainya. Akhir sekali, kaedah yang digunakan oleh Tabi'in perlu dikekalkan dan diaplikasikan oleh penuntut ilmu zaman ICT supaya nilai adab dapat diterapkan oleh guru kepada murid serta dapatkan mengekalkan nilai tradisi keilmuan ini.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan hasil kajian yang telah disebutkan, antara beberapa perkara yang boleh disimpulkan adalah perbandingan tentang pengajaran dan pembelajaran hadis zaman tabi'in dan juga pengajaran dan pembelajaran hadis era ICT yang mana wujudnya perbezaan kaedah atau metod yang digunakan mengikut kedua zaman tersebut. Pada zaman tabi'in, kebanyakan hadis disebarkan melalui guru kepada pelajar mereka melalui kaedah lisan dan juga tulisan iaitu buku-buku yang dikarang oleh guru dan juga pelajar mereka seterusnya tersebar kepada masyarakat. Seterusnya pada zaman ICT pula, penyebaran hadis lebih tertumpu melalui media digital yang semakin berkembang pada era kini sebagai contohnya melalui "software" hadis (Maktabah Shamilah) yang menghimpunkan hadis-hadis daripada pelbagai pengarang ulama terdahulu serta ulama kontemporari. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran hadith di antara zaman tabi'in dilihat lebih berkesan berbanding pada era ICT kerana hadis yang disebarkan oleh guru pada zaman tabi'in kepada pelajar mereka secara bersemuka serta penulisan yang diperakui oleh ulama sezaman mahu pun terkemudian seterusnya disambung pula oleh ulamaulama kontemporari berbanding melalui platform digital yang boleh dimanipulasi oleh segelintir pihak lain menyebabkan pengajaran dan pembelajaran hadis yang kurang berkesan. Akhirnya, kita dapat mengetahui kebolehpercayaan pengajaran dan pembelajaran hadith sama ada pada zaman tabi'in yang diperakui sehingga kini dan juga era ICT yang perlu kepada kajian yang lebih untuk mengesahkan keabsahan hadis yang disebarkan. Kesimpulannya, kita dapat mendalami kaedah

atau metod yang digunakan oleh ulama zaman tabi'in dalam penyebaran hadis dan juga pengajaran dan pembelajaran hadis pada zaman ICT yang semakin berkembang pesat. Maka sebagai umat Islam yang cintakan agama perlu menghayati sumber kedua utama agama ini iaitu hadis yang telah ditinggalkan oleh nabi Muhammad SAW lebih 1400 tahun terdahulu seterusnya menjadi pewaris kepada ilmu ini.